

04/01/2004

Laman Galeria Sri Perdana

Azran Jaffar

LOKASINYA di persekitaran tersendiri dengan kedudukan di kawasan berbukit menjadikan Sri Perdana, yang pernah dihuni bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sebuah kediaman di puncak yang menenangkan.

Berlatarkan kehijauan satu sudut di daerah Damansara yang menampakkan kesibukan lebu raya Mahameru, Sri Perdana yang kini ditukar nama menjadi Galeria Sri Perdana, khazanah terbaru Arkib Negara Malaysia, bagaikan taman di dalam taman.

Dengan alam semula jadi yang masih dipelihara memenuhi persekitarannya, landskap binaan berkonsep tropika yang diwujudkan di persekitaran Galeria Sri Perdana pula dan banyak memanfaatkan unsur air sebagai elemen penyeri, menjadikan kedua-duanya satu gabungan yang menyejukkan mata memandang.

Persekitaran redup dan berangin dirasai sebaik memasuki Jalan Terengganu ke Galeria Sri Perdana yang bersifat residensi serta mengembalikan nostalgia kehidupan Dr Mahathir sekeluarga sewaktu tinggal di situ, dan ia berterusan sehingga ke pagar utama yang mana dari sini, taman dengan unsur air mula menampakkan diri.

Bermula dari papan tanda galeria yang terletak di luar, berhampiran pintu pagar utama, sehinggalah ke bahagian luar bangunan utama, unsur air yang digandingkan dengan tumbuhan tropika serta tempayan berkerawang yang bertindak sebagai terendak lampu taman, menjadikan landskap Galeria Sri Perdana satu bahan yang tidak harus dilepaskan pengunjung dalam lawatan mereka ke sana.

Tidak cukup dengan itu, beberapa arca turut diletakkan yang menjadikan keseluruhan kawasan utama nampak lebih menarik. Satu yang menarik ialah arca kepala kuda daripada granit yang diletakkan di taman kecil berhampiran pintu masuk.

Signifikannya arca ini adalah kerana sukan berkuda ialah kegemaran Dr Mahathir.

Pengarah Galeria Sri Perdana, Norzila Salleh, berkata dalam pembentukan taman di situ, pihak Arkib Negara Malaysia cuba mengekalkan ia dalam kedudukan asal, cuma di beberapa tempat ia diperbaiki dan diberikan penyelenggaraan semula.

"Apa yang ada adalah yang asal dan kami perbaiki mana yang patut," katanya.

Seorang petugas galeria yang sebelum ini tinggal di kuarters Sri Perdana kerana arwah bapanya pernah bekerja di Sri Perdana berkata, sepanjang ingatannya arca kepala kuda berkenaan memang ada di situ sejak Dr Mahathir tinggal di situ, bagaimanapun beliau kurang pasti dari mana ia datang atau hadiah daripada siapa.

Menjejakkan kaki ke persekitaran Galeria Sri Perdana, pengunjung dihidangkan dengan binaan kolam sederhana besar yang memperlihatkan tulisan Galeria Sri Perdana.

Deruan air yang turun lembut, beberapa jenis tumbuhan air seperti pegaga dan rumput gajah yang diletakkan di dalam pasu serta batu sungai menyejukkan persekitaran kawasan berkenaan yang letaknya di hujung keluar laluan utama kenderaan.

Kerana fungsinya sebagai laluan maka tidak terdapat pokok yang mendeduhkan maka binaan kolam seolah menjadi daya penyejuk untuk menghilangkan lelah pengunjung seketika, mendaki laluan berbukit kurang 100 meter yang diturap dengan batu-bata menuju bangunan utama Galeria Sri Perdana.

Dibentuk bertingkat, binaan kolam ini adalah yang pertama ditemui pengunjung sebaik melangkah ke halaman Galeria Sri Perdana sebelum bertemu beberapa lagi yang tidak kurang hebatnya.

Tidak jauh dari situ, di kawasan rumah pengawal, sebuah lagi taman dengan unsur air dibina yang menjadi halwa mata, mengisi kekosongan pandangan di kawasan berdekatan berupa tempat letak kereta.

Dua buah wakaf juga dibina di sini sebagai pelengkap kepada pancuran air berbentuk tiang yang mengalir ke dalam pasu dan dihiasi taburan batu sungai, menjadi ruang melepas penat.

Redup sepanjang hari di kawasan ini yang dipenuhi beberapa pohon kayu, tambah segar dengan bayu yang sesekali menderu di kawasan berbukit ini.

Norzila berkata, wakaf di kawasan rumah pengawal adalah binaan baru dan ia sebagai tambahan terhadap apa yang ada.

Mendaki laluan utama, tiang roman yang dicat putih dan diletakkan di atasnya pokok bunga kertas menjadi teman sepanjang perjalanan, berselang-seli dengan lampu jalan dengan terendak berbentuk nanas.

Berada di halaman utama berhampiran bangunan utama, sekali lagi suasana disejukkan dengan binaan kolam, namun yang ini bentuknya lebih semula jadi dengan pancuran tiga tingkat sebagai titik tumpu.

Dipenuhi sekelilingnya dengan pokok sepi udang, keladi gajah, pokok bunga kertas serta beberapa tumbuhan batas, ia diserikan lagi dengan arca tiga ekor bangau yang leka bermain air.

Bersebelahannya pula, berdekatan dengan anjung, sebuah lagi binaan kolam kecil mengisi sudut. Ciri-ciri reka bentuk yang hampir sama dengan binaan di kawasan rumah pengawal diterapkan di sini.

Bagaimanapun, di sini terdapat kolam kecil manakala belakangnya dihias dengan ukiran kayu menampakkan lagi ciri-ciri tempatan, sementara potongan batangan pokok disusun di kawasan berumput sebagai laluan.

Bagi menceriaikan lagi persekitaran Galeria Sri Perdana, sebuah kawasan yang dinamakan Laman Perdana dibina. Ruang di kawasan berbukit ini redup dengan pohonan.